

Article Info:

Published Date: 01 March 2022

*Corresponding Author: zuraina.nor@fskik.upsi.edu.my

**PAMERAN ANTARABANGSA SENI VISUAL GENERASI 21:
SOKONGAN KEMENTERIAN DAN KECENDERUNGAN KARYA GENERASI Z**

***21st Generation International Art Exhibition:
Ministry Support and Work Tendency of Generation Z***

Norzuraina Mohd Nor¹, Wong Yoke Seng², Lee Hoi Yeh³

Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif ^{1,3}
Jabatan Komputeran, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif ²

To cite this article (APA): Mohd Nor, N., Yoke Seng, W., & Hoi Yeh, L. (2022). 21st Generation International Art Exhibition: Ministry Support and Work Tendency of Generation Z. *KUPAS SENI*, 10, 56-66. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.7.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.7.2022>

ABSTRAK

Pameran Antarabangsa Seni Visual Generasi 21 merupakan program seni inisiatif Katarsis Seni. Ia dirancang khas untuk generasi Z yang terdiri dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 21 tahun. Program ini melibatkan penyertaan antarabangsa yang bertujuan untuk melihat kesinambungan pendidikan seni bagi membina jati diri generasi Z di masa hadapan. Tujuan kajian ini adalah bagi mengenal pasti bagaimana sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) terhadap aktiviti seni remaja di samping melihat kecenderungan karya seni yang dihasilkan oleh remaja generasi Z semasa musim pandemik. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual dan dokumen analisis. Dapatan mendapati KPM kurang memberi galakan untuk penyertaan remaja disebabkan situasi semasa, namun MOTAC menyokong penuh penganjuran dan penyertaan remaja sama ada melalui khidmat tempat, kepakaran dan perundingan pameran kepada pihak penganjur. Rentetan kurangnya galakan daripada KPM, sambutan terhadap penyertaan karya seni rendah berbanding jumlah keseluruhan pelajar di Malaysia. Namun, karya seni yang dihasilkan oleh remaja berada di tahap berkualiti tinggi. Dengan adanya aktiviti pameran, sokongan daripada pihak kementerian amat penting agar dapat mencungkil dan memperkembangkan bakat seni remaja. Malah melalui karya seni dalam pameran ini, remaja dapat mempamerkan tahap kandungan dan hubungan antara karya dengan hubungan sosial, budaya dan pendidikan.

Kata kunci: Pameran seni, sokongan kementerian, generasi Z, karya seni

ABSTRACT

Generasi 21 International Art Exhibition is an initiative art programme of Katarsis Seni. It is implemented for Z generation, which consists of teenagers aged between 13 to 21 years. The initiative, which includes worldwide participation, aims to ensure the continuation of art education in order to construct generation Z's identity in the future. The goal of this study is to determine how the Malaysian Ministry of Education (MOE) and the Malaysian Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) promote teenage art activities, as well as the trend of artwork made by generation Z adolescents throughout the pandemic season. The study employs a qualitative method of interviewing and document analysis. The findings revealed that, due to the current situation, the MOE did not promote youth involvement; however, MOTAC completely supported the organization and participation of youths by providing venue services, expertise, and exhibition consultation to the organizers. The response to artwork involvement is relatively low. Teenagers, on the other hand, generate high-quality artwork. Support from the

government is critical for exhibition activities in order to unearth and nurture young people's artistic talents. Teenagers can demonstrate the level of content and the relationship between the work and social, cultural, and educational ties via the artwork in this exhibition.

Keyword: *Art Exhibition, Ministry support, Z-generation, artwork*

PENGENALAN

Pameran adalah medium yang menjadi wahana penting dalam mengekalkan, menghubungkan dan menyebarkan pengetahuan seni antara karya seni dengan masyarakat. Selain itu, pameran secara tidak langsung berupaya menanamkan kecintaan kepada seni, meningkatkan kemampuan mengapresiasi suatu karya, mengembangkan bakat seni, menunjukkan kepada masyarakat untuk mendapat pengakuan umum, mendapatkan tanggapan, kritik, penilaian, penghargaan dan rangsangan untuk berkarya (Mardi, 2021). Ini kerana seni merupakan dokumen yang berkaitan dengan masyarakat sejak zaman dahulu lagi (Mohamad Ahmad, 2021). Melihat kepada kepentingan ini, Katarsis Seni telah menganjurkan Pameran Antarabangsa Seni Visual Generasi 21 bertujuan menjadikan seni dan pendidikan sebagai satu wadah komunikasi dalam kalangan remaja yang menjadi jambatan kepada pembinaan pemikiran seni di masa depan. Remaja adalah cerminan masyarakat 10 ke 20 tahun akan datang. Remaja merupakan satu aset negara dalam menggerakkan kesenian dan kebudayaan, maka menjadi satu tanggungjawab kepada masyarakat untuk membantu kerajaan melahirkan remaja yang celik seni dan budaya agar dapat mewarisi budaya bangsa kita dalam mencorak ketamadunan.

Menurut Herbert Read dalam Mukhsin Patriansyah (2020), seni bukanlah sekadar idea semata-mata namun adalah ekspresi dari segala macam idea yang diwujudkan oleh para seniman dalam bentuk yang nyata. Rentetan daripada itu, program Pameran Antarabangsa Seni Visual Generasi 21 ini diilhamkan oleh Kelab Katarsis Seni untuk melihat kesinambungan pendidikan dalam seni, sastera dan budaya. Bagi mencapai maksud ini, rangka kerja dijalankan dengan bantuan rakan kerjasama yang lain iaitu Pusat Perlancongan Malaysia (MATIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kelab Rekreasi dan Kebajikan Deklamator Malaysia (DEKMAL), Balai Seni Negara (BSN), Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Koperasi SMK Seri Keramat, dan Meja Poedjangga. Program bernadi seni budaya berusaha merealisasikan hasrat mencungkil dan memperkembangkan bakat seni serta memberi pengalaman baru kepada remaja ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke peringkat antarabangsa. Selain itu, ia menyokong kepada usaha Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) untuk meninggikan taraf dan mutu kesenian di Malaysia. Seajar juga dengan hasrat KPM untuk melahirkan murid yang berkemampuan untuk bersaing di peringkat global seiring dengan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN). Dasar ini bermatlamat menjadikan industri kreatif negara berdaya saing dan dinamik untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan memartabatkan budaya bangsa. Di sini, menunjukkan bahawa seni, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembangunan diri pelajar (Nurzulaikha & Noor Aslinda) dan jika digilap potensinya dengan baik, ia mampu memberi sumbangan kepada sektor ekonomi dan sosial negara.

Penularan virus COVID-19 di Malaysia menyebabkan perubahan dalam sistem pentadbiran, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial mahupun politik (Norzuraina, 2021). Norma kehidupan rakyat mula berubah kepada norma baharu yang tidak pernah difikirkan oleh sesiapa sebelum ini. Tekanan mula kelihatan terhadap semua bidang termasuk bidang seni, sastera dan budaya apabila semua aktiviti budaya mula dihadkan kepada tahap yang sangat minimum. Perubahan berlaku di dalam bidang pendidikan apabila pembelajaran berubah 360 darjah. Pembelajaran berlangsung sepenuhnya secara dalam talian (PdPr) di rumah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (KPM, 2020). Rentetan daripada pandemik yang melanda negara ketika ini, remaja terbeban dengan keadaan dan tidak dapat menjalankan aktiviti rutin mereka seperti biasa. Kehidupan remaja mula terkekang dan kreativiti remaja terkurung di dalam minda. Remaja lebih banyak menghabiskan masa dengan aktiviti permainan digital dan aktiviti yang hanya melibatkan keterlibatan di dalam ruang di dalam kawasan dalam rumah sahaja. PdPr berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pelaksanaan termasuk menjadikan emosi pelajar kurang stabil akibat pelaksanaannya (Muhammad Izzat et al, 2020). Selain itu, kebimbangan terhadap pandemik COVID-19, membuatkan guru kurang memberi perhatian dan tumpuan terhadap murid, sekaligus memberi tekanan kepada remaja ketika mengikuti kelas dalam talian

(Farhan, 2020). Walaupun begitu, menurut manual PdPr KPM (2020) murid digalakkan untuk melakukan pelbagai aktiviti sendiri bagi memenuhi masa lapang mereka di rumah. Jadi, murid boleh menjalankan apa-apa aktiviti yang sesuai di rumah bagi membantu meningkatkan domain kognitif, psikomotor dan afektif murid ketika waktu terluang. Murid tak semestinya hanya terikat dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah semata-mata. Ini kerana, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum atau aktiviti luar bilik darjah memberikan murid peluang untuk membangunkan bakat dan minat mereka di luar persekitaran bilik darjah yang formal (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025).

Pertengahan abad ke-20, pendidikan seni mulai mewacanakan tentang 'pempungsian seni'; iaitu seni berfungsi untuk membantu menumbuh perkembangan modal insan. Inilah yang disebut dengan fungsi seni sebagai aset pendidikan atau *education through arts* (Indar Sabria, 2019). Bagi mengembalikan cinta ke dalam pendidikan menerusi aktiviti yang menarik, maka program Pameran Antarabangsa Seni Visual Generasi 21 ini dijalankan dengan misi pendidikan tanggungjawab bersama, dan seni daripada masyarakat untuk masyarakat. Program dilaksanakan sebagai aktiviti luar yang layak disertai oleh setiap murid tanpa mengira latar belakang, jantina, agama mahupun kelayakan akademik seseorang murid. Aktiviti pameran ini merupakan aktiviti seni yang banyak memberi faedah seni kepada pelajar.

Selain sebagai apresiasi, pameran seni sebagai usaha menggali potensi budaya bangsa, untuk mempertahankan kearifan lokal di mana pesatnya perkembangan informasi dan kemasukan budaya asing ke dalam sesuatu budaya negara (Budi Setyaningrum, 2018). Satu pertanyaan, adakah pembelajaran pameran dan apresiasi ini hanya perlu dipelajari secara konvensional di sekolah? Bagaimanakah sokongan terhadap aktiviti pameran sedangkan kita tahu berapa ramai anak-anak yang berbakat yang tidak mempunyai peluang dicungkil bakatnya. Malah, PPPM (2013) turut menyatakan bahawa sesetengah aktiviti antara ibu bapa dengan anak dapat meningkatkan keberhasilan murid secara signifikan tanpa mengambil kira latar belakang sosioekonomi. Maka, pameran ini khas diadakan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar atau remaja untuk mengembangkan aspek sosial, psikomotor emosi dan afektif melalui penghasilan karya seni. Berdasarkan perkara ini, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sokongan KPM dan MOTAC terhadap penganjuran dan penyertaan peserta semasa musim pandemik ini. Di samping itu kajian juga melihat kecenderungan pemilihan tema, media, teknik dan gaya pengkaryaan yang dihasilkan oleh peserta dalam kalangan Generasi Z.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk deskriptif untuk melihat bagaimana sokongan KPM dan MOTAC terhadap penganjuran program dan penyertaan peserta/remaja untuk pameran Generasi 21, bagaimanakah karya yang dihasilkan oleh peserta Generasi Z menerusi penggunaan tema yang diangkat dalam karya seni. Kaedah temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk memastikan persoalan kajian ini dijawab. Sampel melibatkan 16 orang guru dari negeri yang berbeza. Fasa sebelum kajian menjurus kepada pembinaan instrumen-instrumen kajian temu bual dan analisis dokumen. Fasa kajian melibatkan bagaimana pengumpulan data-data atau dokumen karya, surat-surat, dan dokumentasi daripada KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan MOTAC. Manakala karya sebanyak 322 keping karya dari Malaysia telah dihantar ke pemilihan untuk pameran tersebut. Data dianalisis menggunakan Nvivo.

DAPATAN KAJIAN

Penyertaan Peserta

Dapatan mendapati bahawa pada awalnya, pameran dirancang pada Julai 2021. Maka, bermula 20 April 2021, sebaran poster untuk penghantaran penyertaan dilakukan ke enam buah negara sehingga tarikh 31 Mei 2021. Namun begitu, penganjuran program terpaksa ditangguh ke bulan Oktober 2021 disebabkan masalah pandemik yang semakin meruncing di Malaysia. Maka, penyertaan telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2021 untuk penghantaran karya bagi memberi peluang kepada peserta

yang tercicir untuk turut sama mengambil bahagian dalam acara tersebut. Pada 31 Julai 2021, dicatatkan sebanyak 3016 keping karya seni telah diterima dalam kalangan peserta Malaysia untuk program ini.

Dapatan penyertaan 3016 keping karya seni ini mewakili 0.014% daripada jumlah pelajar seramai 2,082,727 di Malaysia dengan jumlah sekolah sebanyak 2444 buah di bawah seliaan KPM. Tema yang ditetapkan oleh pihak penganjur ialah bebas maka peserta bebas mengekspresikan setiap yang terlintas di fikiran mengikut budaya dan lokaliti negara masing-masing tanpa melanggar isu sensitif dan subversif. Dapatan mendapati, peserta tertarik kepada enam tema utama iaitu kasih sayang, kebudayaan, isu semasa, benda hidup, potret, dan patriotik. Karya juga dibahagikan kepada tiga kualiti penilaian berdasarkan gambaran kreativiti yang dihasilkan iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Melalui dapatan didapati seramai 100 peserta menghasilkan karya yang tinggi, 172 dalam tahap sederhana manakala selebihnya menghasilkan karya yang rendah mengikut spesifikasi pameran yang telah dibina.

Sokongan Kementerian

Sokongan KPM dan Agensi Bawah Seliannya

Hasil dapatan kajian mengklafikasi badan di KPM terbahagi kepada empat tahap pengurusan iaitu pengurusan bahagian, pengurusan negeri, pengurusan daerah dan seterusnya pengurusan sekolah. Pengurusan bahagian terdiri oleh 24 bahagian, negeri terdiri daripada 16 buah Jabatan Pendidikan Negeri(JPN), Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) ditadbir oleh negeri dan pengurusan sekolah di bawah PPD. Namun, surat arahan pusat adalah daripada bahagian iaitu KPM. Dapatan mendapati, setiap surat kelulusan penganjuran program oleh KPM perlu disebar luas sendiri oleh penganjur ke JPN seterusnya tindakan sebaran oleh JPN ke PPD dan ke sekolah-sekolah bawah naungan PPD. Namun, sebaran program bukan penganjuran KPM adalah bukan tanggungjawab JPN untuk membuat sebaran walaupun telah mendapat kelulusan KPM, JPN berhak untuk menolak untuk membuat sebarang sebaran berdasarkan justifikasi tertentu.

Bagi program pameran ini, didapati BSKK memainkan peranan sebagai induk di KPM dengan menyokong sepenuhnya penganjuran dengan syarat-syarat tertentu iaitu:

- i. Pameran mesti dijalankan secara dalam talian.
- ii. Penganjur tidak dibenarkan mengenakan sebarang bayaran penyertaan atau pengurusan kepada pelajar walaupun diketahui bahawa NGO bukanlah persatuan bawah tajaan mana-mana kerajaan atau badan.

Namun, walaupun BSKK meluluskan penganjuran, BSKK memberi kebenaran kepada penganjur dengan saluran sendiri. Maka, berbekalkan surat kelulusan, penganjur telah membuat sebaran sendiri ke JPN seluruh Malaysia. Hasil dapatan mendapati hanya enam buah JPN memberi maklum balas antara 4 ke 34 hari selepas penerimaan surat. Manakala salah satu daripada JPN telah menarik kebenaran penyertaan murid disebabkan situasi semasa (pandemik) selepas 14 hari surat kebenaran dikeluarkan.

Sokongan MOTAC dan Agensi Bawah Seliannya

Berdasarkan dapatan ini, KS telah memulakan proses dokumentasi dengan membuat permohonan kepada kementerian yang paling sesuai iaitu MOTAC untuk mendapatkan dana dan khidmat daripada segi tempat pameran, kos, kepakaran dan perundingan. Beberapa agensi di bawah MOTAC telah disasarkan bagi mencapai objektif ini. Dapatan mendapati agensi-agensi di bawah MOTAC mengambil tindakan yang pantas untuk setiap permohonan yang diajukan oleh pihak penganjur kepada kementerian tersebut antara 1 hingga ke 10 hari bekerja.

PERBINCANGAN

Sokongan KPM dan MOTAC Terhadap Penganjuran Program dan Penyertaan Peserta

KPM

Berdasarkan dapatan, KPM menerusi BSKK menyokong penganjuran program namun kurangnya sokongan pengurusan untuk promosi kepada pelajar agar pelajar dapat turut serta dalam pameran yang dijalankan. Kelewatan tindakan JPN membuatkan surat lewat sampai untuk tindakan di PPD dan seterusnya ke sekolah. Perkara ini mengakibatkan dan merencatkan sebaran atau promosi ke pihak akar umbi. Malah, hanya 6 JPN memberi maklum balas kepada penganjur yang melibatkan negeri-negeri yang berkapasiti tinggi penduduknya di Malaysia. Media sosial memainkan peranan yang penting pada penyebaran maklumat pameran. Dapatan mendapati peserta dan guru daripada 10 negeri terbabit mendapat maklumat berkaitan program melalui media sosial. Antara media sosial ialah Whatsapps, Instagram, Facebook ataupun Telegram. Ini bermaksud pelajar dan guru menggunakan platform media sosial sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat tentang acara ini berbanding dengan hebahan secara rasmi daripada pihak sekolah atau KPM. Kehadiran media sosial tersebut ternyata membawa perubahan cara berkomunikasi daripada cara konvensional menjadi moden dan serba digital dengan cara yang lebih efektif (Astari Clara Sari et al, 2018). Ternyata media sosial menjadi satu medium pengantara komunikasi yang lebih mudah dan cepat serta lebih telus dalam menyampaikan informasi berkaitan pameran ini.

Faktor kedua ialah, faktor pandemik kian meruncing sehingga JPN bimbang jika pelajar terlibat dalam sebarang aktiviti dan akan menjadi isu besar kepada KPM. Buktinya apabila salah satu JPN telah menghantar surat penangguhan penyertaan pelajar-pelajarnya di sebabkan faktor ini. Kerisauan KPM dan JPN terhadap pandemik telah merencatkan penyertaan pelajar-pelajar ini apabila sebaran poster dan maklumat tidak sampai kepada pengguna akhir walaupun telah mendapat surat kelulusan penganjuran daripada KPM. Melalui dapatan ini jelas menunjukkan kebimbangan KPM merencatkan penyertaan atau penglibatan pelajar untuk program pameran ini walaupun penganjur telah menggariskan bahawa program ini merupakan penglibatan antarabangsa, dijalankan secara atas talian dan akan memohon markah PAJSK untuk murid seliaan KPM

Faktor ketiga berkaitan dengan pentadbir sekolah. Pentadbir sekolah tidak membenarkan penyertaan dalam kalangan pelajar walaupun penyertaan secara bebas atau di luar keperluan sekolah kerana setiap program yang melibatkan guru dan murid menurut persepsi pentadbir adalah perlu melalui KPM. Tanpa surat kelulusan KPM, JPN atau PPD, pihak pentadbir tidak akan membenarkan guru dan murid terlibat dengan apa-apa penyertaan walaupun guru dan pelajar bersedia untuk mengambil bahagian. Malah, timbul persepsi tiada acara boleh dijalankan semasa pandemik ini berlangsung. Tambahan, terdapat surat arahan daripada KPM sejak April hingga Julai yang melarang aktiviti kokurikulum dan penglibatan guru dan murid dalam sebarang aktiviti (KPM, 2021) disebabkan masalah pandemik. Arahan-arahan dan surat pekeliling ini, membantutkan usaha untuk guru membantu pelajar menghasilkan karya.

Pameran merupakan aktiviti yang sangat penting dalam membina generasi muda celik budaya di masa depan di mana melalui pameran, artis dan audiens akan dapat berkongsi pengalaman melalui proses penghayatan terhadap karya-karya. Malah, ia juga dapat menghubungkan pelukis dengan masyarakat di sekelilingnya (Amirudin *et al.* 2016). Sekatan atau kurangnya sokongan dan kerenah birokrasi secara tidak langsung menghalang kepada satu bentuk demokrasi kesenian dalam kalangan pelajar di sekolah. Perkara ini merupakan satu perkara serius yang patut diambil berat oleh pihak KPM kerana kelemahan pengurusan dan kerenah birokrasi akhirnya memaksa pelajar atau guru-guru yang berusaha mencungkil minat pelajar terpaksa melupakan hasrat tersebut bagi meningkatkan profesionalisme dan meluaskan pengalaman berpameran untuk aktiviti luar.

MOTAC

Berdasarkan dapatan mendapati kesemua agensi yang berada di bawah MOTAC sangat menyokong penganjuran pameran ini. MATIC, GSPSB, Bahagian Dasar Kebudayaan, MOTAC dan Balai Seni Negara (BSN). MOTAC mengambil tindakan yang pantas ke atas setiap permohonan yang diajukan melalui e-mel kepada mereka dan memudahkan pengurusan tanpa melalui kerendah birokrasi yang tinggi. Melalui maklum balas yang diterima melalui surat mendapati bahawa agensi-agensi di bawah MOTAC menyokong terhadap penganjuran program ini walaupun negara sedang berdepan dengan pandemik Covid. Namun, pihak penganjur juga dinasihatkan agar menjalankan program secara di dalam talian. Hasil sokongan daripada MOTAC ini memudahkan pengurusan penganjur dari segi penyediaan tempat, pendanaan, sokongan kepada kerjasama badan, perundingan kepakaran dan sokongan terhadap pendanaan daripada syarikat-syarikat korporat. Ia selaras dengan objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dalam strategi dan pelaksanaan objektif yang menggariskan tentang:

“Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usaha sama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;”

Faktor utama sokongan kepada penganjuran program juga adalah apabila ia melibatkan golongan remaja. MOTAC memandang berat kepada golongan ini kerana berpendapat golongan ini merupakan tunggak kepada pembinaan negara bangsa. Faktor kedua program yang berunsur pendidikan akan melahirkan masyarakat madani yang celik seni dan budaya dalam jangka masa panjang. Seni dan budaya perlu melahirkan penggiat-penggiat yang bijak dan berfikir untuk mengembangkan lagi industri seni ke arah mencapai dasar kebudayaan negara dan kesepaduan masyarakat. Selain itu, kesenian dan kebudayaan bakal menjadi tunggak utama kepada memberi sumbangan kepada pendapatan kasar negara. Faktor lain pendorong kepada sokongan penganjuran aktiviti ini adalah kerana MOTAC menyokong kepada pergerakan persatuan-persatuan bukan kerajaan bagi merakyatkan dan melestarikan seni, sastera dan budaya. Malah dalam Seksyen 4(2) (b) dan (d) Bahagian II, Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481);

“menggalakkan dan menyelaras perjalanan apa-apa aktiviti yang berkaitan atau berhubung dengan fungsi-fungsinya oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan.”

Bukti kepada perkara ini, MOTAC telah memperuntukkan dana sebanyak 24 juta untuk GSPSB bagi membantu persatuan-persatuan menjalankan aktiviti kesenian dan kebudayaan masing-masing (MOTAC, 2020). Malah agensi di bawah MOTAC bersedia membantu daripada segi khidmat perundingan, penyediaan tempat dan juga khidmat-khidmat lain yang dirasakan bersesuaian bagi membantu persatuan-persatuan ini bergerak terutamanya dalam masa pandemik ini berlaku. Sokongan ini bukan sahaja hanya menggerakkan kepada acara pendidikan dan menjana kepada penghasilan modal insan atau generasi berbudaya seni di masa hadapan namun sebagai satu inisiatif MOTAC untuk menggerakkan sektor ekonomi, sektor perhotelan, sektor seni budaya dan memastikan kebudayaan dan kesenian menyumbang kepada pembangunan di Malaysia. Usaha murni ini sangat dipandang tinggi dan wajar diteruskan tambahan pula inisiatif MOTAC untuk melahirkan masyarakat yang celik budaya dan celik seni.

Kecenderungan Pemilihan Tema, Media, Teknik dan Gaya dalam Pengkaryaan

Karya seni merupakan representasi terhadap dunia luar diri seniman bersentuhan langsung dengan kenyataan dalam dirinya. Sehingga menimbulkan respons atau tanggapan, maka lahirlah karya seni. (Jakob Sumarjo, 2000). Manakala, gabungan unsur dan prinsip seni membentuk karya seni yang mengandungi makna yang turut disebut sebagai struktur estetik (Moh Ronhdi, 2017). Dapatan kajian mendapati 31% penyertaan berada di tahap tinggi apabila garapan media, teknik dan proses berjaya menghasilkan sebuah karya yang mempunyai daya estetik yang tinggi. 54% berada di tahap sederhana dan 15% di tahap rendah mengikut rubrik pemarkahan juri. Proses penilaian aktiviti mengambil kira beberapa perkara yang melibatkan objektif yang ingin dicapai dalam aktiviti (Amirudin *et al.*, 2016), maka sebanyak 105 karya seni dipilih untuk dipamerkan di pameran ini. Pengalaman terhadap seni,

penumpuan dan fokus dilihat pada hasil karya peserta melalui penggunaan media dan teknik yang dipersembahkan. Dilihat peserta menggunakan kelebihan daripada kefahaman terhadap tema, idea yang kreatif dan pengalaman estetik untuk berkomunikasi dengan masyarakat ketika pandemik ini berlangsung. Ia selaras dengan pandangan Sawoko dan Takesyi (2020) yang menyatakan, artis membina idea, konsep malahan teknik baru sebagai usaha untuk menonjolkan tentang pandangan mereka terhadap apa yang mereka fikir. Maka, lahirlah banyak karya-karya kontemporari melalui pelbagai idea.

Tema

Fiyanto Arif (2018) menyatakan, sumber inspirasi tidak selalu merupakan objek-objek yang nyata daripada realiti yang sudah lazim, tetapi ia mungkin juga imaginasi dan respon daripada fenomena dan perasaan yang sedang dialami, lalu diekspresikan ke dalam media yang diinginkan. Namun, Sawako & Takeshi (2020), kebanyakan kajian menyatakan konsep seni artis dan tema adalah pelbagai. Ia meliputi “*problem expression*” (Dudek & Cote, 1994) “*aesthetic bias/framework*” (Kay, 1991), “*artistic theme*” (Mace & Ward, 2002), and “*artistic problem*” (Getzels & Csikszentmihalyi, 1976) dan sebagainya. Malah bagi Mohamad Ahmad (2021), seni adalah bidang penting yang akan memberi kesan dan akan terkesan dengan keadaan sekelilingnya, maka wajar remaja diberi kebebasan untuk berapresiasi bagi menghilangkan tekanan ketika pandemik ini berlangsung.

Penganjur pameran ini membebaskan penggunaan tema kepada peserta bagi memberi peluang dan ruang berapresiasi mengikut keadaan lokaliti di negara masing-masing. Peserta dapat menyampaikan tema dengan baik melalui pernyataan karya yang dinyatakan bersama penghantaran karya. Tema yang mendominasi karya peserta antaranya ialah kasih sayang yang memaparkan seperti kekeluargaan dan ikatan hubungan erat. Melalui tema yang diangkat remaja dapat menyatakan tentang emosi, kesengsaraan, kegembiraan, pandemik, atau komitmen kepada sesuatu dan menjadi tingkap kepada komunikasi untuk mencapai tingkat nilai kemanusiaan. Walaupun tema bebas, peserta cenderung menggunakan tema positif ditambah dengan kematangan dalam pengolahan media dan teknik menghasilkan karya yang sesuai untuk merepresentasi peserta mewakili negara masing-masing di acara peringkat antarabangsa. Kecenderungan peserta juga dikesan pada tema berkaitan isu semasa iaitu pandemik. Peserta menggunakan karya seni sebagai medan ekspresi idea dan emosi tentang keadaan yang sedang bergolak. Ia disokong oleh Fiyanto Arif (2018), gagasan pemikiran ini muncul kerana mengalami kegelisahan dalam diri setelah memperhatikan fenomena di sekitar terkait dengan permasalahan, seni amat rapat dengan isu kontemporari (Mohamad Ahmad, 2021). Maka peserta berapresiasi dan merefleksi keadaan semasa untuk menghasilkan karya-karya berkualiti yang berekspresi jiwa. Ia dapat dilihat melalui lontaran idea Arifah Roskang yang menceritakan tentang isu pandemik daripada kaca mata seorang gadis. Arifah mengangkat tema ini untuk mengekspresikan perasaannya ketika ini tentang situasi semasa yang sedang berlangsung di dunia.



Rajah 1: Pandemic (2021), Arifah Roskang, Akrilik

Tema kebudayaan pula dapat dilihat apabila peserta mengangkat tentang lokaliti, kesenian dan kebudayaan setempat seperti tarian, kraf tradisional, budaya masyarakat dan cara hidup amnya. Kebudayaan terbahagi kepada empat bidang utama iaitu pemikiran (idea), kebendaan, kesenian dan, nilai dan norma (A. Aziz Deraman, 2001). Elemen budaya dan nilai-nilai tempatan masih menjadi satu tema yang konsisten dan tidak lapok dalam penghasilan karya (Siti Humaini, 2020). Antara karya-karya catan yang popular yang boleh dikenal pasti yang menengahkan elemen budaya dan masyarakat tempatan adalah dari seawal tahun 40an iaitu antaranya ialah *Drying Nets* (1940) oleh Yong Mun Sen dan *Coconut Plantation Dawn* (1948) oleh Abdullah Ariff. Karya-karya ini menceritakan tentang latar kebudayaan kehidupan tanah melayu ketika itu. Tema ini adalah penting sebagai satu dokumentasi sejarah dalam bentuk visual untuk generasi di masa depan. Dapatan dalam pameran ini, mendapati karya bertajuk *Male Dancer* (2021) oleh Gugun Gunawan, mengangkat tema kebudayaan setempat yang digabung dengan situasi pandemik sebagai tema dalam pengkaryaan dengan gaya surealisme. Gugun mengangkat imej visual seorang penari lelaki sedang menari dengan liang liuk tubuh yang sasa yang memaparkan tentang perasaan dalaman pada wabak pandemik yang melanda negara kelahirannya.

Begitu juga dengan tema patriotik, dilihat peserta meluahkan emosi atau apresiasi terhadap negara atau sifat cintakan negara melalui imej visual yang terdapat pada karya dengan penggunaan bendera, lengana, tempat-tempat bersejarah, setem, dan lokaliti sebagai hal benda utama dalam karya seni peserta. Imej visual diadun dengan baik untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat melalui bentuk visual. Muhammad Haziq Diman yang mengangkat hal benda setem dalam menyampaikan karyanya *Stamphentes* (2021) dalam gaya abstrak. Tidak ketinggalan juga peserta yang mengangkat tema potret sebagai salah satu apresiasi untuk menyampaikan mesej yang tersirat dan tersurat kepada khalayak seni. Peserta dilihat mengekspresikan persepsi dan pemahaman terhadap situasi semasa melalui panca indera lalu menjelmakan idea tersebut di dalam bentuk karya seni.

Media dan Teknik

Media merupakan suatu unsur yang sangat menarik, di samping itu pemilihan media yang tepat sangat mempengaruhi nilai sebuah karya seni. Media berfungsi sebagai pengantara (Mikke Susanto, 2011). Maksud pengantar adalah seorang artis menggunakan media sebagai cara untuk mengekspresikan idea dan pemikirannya. Karya seni hadir dalam hubungan yang kontekstual dengan ruang dan waktu menyebabkan lahirnya sebuah karya seni. Ia terhasil disebabkan wujudnya berbagai persoalan yang terjadi dalam masyarakat serta lingkungannya (Acep Iwan Saidi, 2008). Dengan demikian, seni bukan sebuah karya yang terjadi secara langsung, ia juga perlu melalui proses terjadinya. Dapatan mendapati, media kering yang digunakan seperti warna pensel, pen, oil pastel, arang dan pensel. Media ini digarap

dengan baik menggunakan teknik lorekan, gosokan, teknik garisan dan campuran. Peserta memilih media kering mungkin kerana lebih mudah diuruskan berbanding media basah. Tanpa penyeliaan daripada guru, media kering merupakan media yang lebih mudah diuruskan oleh peserta berbanding media basah. Maka, pemilihan media kering di atas kertas lukisan mendapat sambutan daripada peserta. Malah, pelajar cenderung untuk mencari pengalaman di mana mereka mempunyai peluang untuk mengaplikasikan teori dan kandungan yang dipelajari di dalam waktu pembelajaran berlangsung Nurzulaikha & Noor Aslinda (2021) apabila didedahkan dengan aktiviti pameran ini.

Jelas kelihatan peserta agak serius dalam menghasilkan karya dengan menggunakan media basah. Kebanyakan penggunaan media basah di dominasi oleh penggunaan warna air, cat minyak, cat poster dan akrilik di atas permukaan sama ada kanvas atau kertas. Teknik asas seperti basah atas basah, basah atas kering, kering atas kering, basah atas kering, opaque di aplikasi dalam menghasilkan karya seni. Namun terdapat juga peserta yang menggunakan media campuran berserta gabungan pelbagai teknik antaranya teknik media kering dan media basah seperti lorekan pen. Dalam keadaan pandemik yang peserta terpaksa membuat karya sendiri, pelajar perlu menghasilkan sendiri karya tanpa bantuan sepenuhnya guru. Guru sebelum ini sebagai pembimbing telah bertukar fungsi sebagai pemudah cara. Namun, kerja artistik merujuk kepada penyelesaian masalah yang kreatif (Okada & Ishibashi, 2017). Tidak hairanlah, pelajar memainkan sepenuhnya peranan terhadap pemilihan teknik, media dan proses yang diaplikasikan terhadap penghasilan karya seninya sendiri. Manakala, rangsangan mendorong kepada lahirnya kreativiti baru terhadap hasil seni melalui pemilihan media dan teknik yang sesuai pada karya mengikut keadaan semasa pandemik kini.

Gaya Artistik

Karya seni merupakan cerminan peribadi seseorang artis. Keperibadian keseniannya bergantung kepada pengamatan, pengolahan, dan diutarakan dirinya sendiri kepada dirinya sendiri. Menurut Sandoval *et.al* (2019) kebolehan untuk mengenal pasti jenis gaya artistik ialah satu kebolehan yang tinggi yang perlu mempunyai kemahiran yang banyak. Malah, untuk menghasilkan lukisan atau catan berkualiti tinggi selaras dengan gaya artistik juga memerlukan kemahiran yang tinggi. Dapatan pelbagai jenis karya yang diangkat oleh peserta dalam penghantaran karya ini antaranya jenis poster, lukisan dan catan dengan pelbagai gaya seperti fauvism, naturalisme, realisme, surealisme, abstrak malah impresionisme. *Forest* (2021) Jonathan Richard dengan gaya abstrak, *Interconnection* (2021), Nur Adlin Danish gaya naturalisme dan *Alone* (2021) Muhammad Syafiq Mansor dan gaya fauvism. Melalui 100 nuah karya seni yang terpilih, peserta cuba menyampaikan mesej selari dengan gaya yang dipilih. Malah menurut Indar Sabria (2019), pengalaman estetik yang dipelajari mempunyai hubungan yang positif bagi perkembangan individu pada aspek individu berfikir. Pengalaman seni yang melibatkan proses komunikasi dengan lingkungan seni yang dibantu oleh panca inderanya, sangat membantu kreativiti individu yang bersangkutan secara falsafah. Ini bermakna, pengalaman estetik peserta terhadap karya membantu peserta memilih gaya artistik yang sesuai untuk diangkat oleh dirinya lalu merepresentasikan dirinya melalui karya yang dihantar. Walaupun begitu, minat memainkan peranan utama terhadap gaya artistik bagi setiap peserta. Ia disokong oleh Nurzulaikha dan Noor Aslinda (2021), minat yang positif akan mempengaruhi kesungguhan seseorang dan seterusnya akan meningkatkan prestasi pencapaiannya dalam sesuatu bidang. Maka, faktor minat dan kemampuan diri adalah faktor terbesar penyumbang kepada gaya artistik yang dipilih oleh peserta untuk menghasilkan karya untuk pameran ini kerana kurangnya bantuan daripada guru semasa pandemik ini berlangsung.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Remaja adalah golongan yang mudah dilentur yang memerlukan panduan dan rujukan dari masyarakat. Kecenderungan remaja itu bergantung kepada bagaimana persekitaran kehidupannya ketika itu. Maka, remaja ini harus digalakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti aktif walaupun sedang dalam dilema pandemik. Covid tidak boleh dianggap sebagai satu masalah ketika ini kerana Covid ialah kenyataan yang harus dihadapi oleh ahli masyarakat namun bagaimana ahli masyarakat mahu menggalas tanggungjawab agar tiada lagi masalah-masalah pengurusan dan kerehah birokrasi dapat diatasi demi kelangsungan pembelajaran anak bangsa kita di masa depan. Ia selari dengan United Nation (2020)

yang menyatakan perlunya pembaharuan dalam pendidikan di musim COVID. Maka, semua perlu berubah selari dengan seruan itu sama ada di pihak pengurusan, pelaksana, ibubapa mahupun pelajar. Ini kerana, kerajaan, masyarakat, ibu bapa dan guru memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kreativiti dan kehidupan seni remaja. Menurut KPM (2019) lagi, pendidikan ialah tanggungjawab semua. Pendidikan seharusnya menjadi penyelesaian kepada masalah-masalah yang melanda masyarakat, dan menjadi pemangkin kepada lahirnya masyarakat yang maju, bersatu padu dan berdaya saing. Maka, masyarakat dan kementerian harus berganding bahu untuk sama-sama memajukan bidang seni dan pendidikan agar melahirkan sebuah generasi yang celik seni dan budaya demi ketamadunan Malaysia di masa depan. Malah aktiviti sebegini dianjurkan sebagai rangka usaha kepada golongan dewasa ini menyerahkan baton kepada generasi muda yang akan mencorakkan generasi seni akan datang.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2002). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amiruddin Osman., Rosli Zakaria., & Shahrul Munir Mohd Kaulan. (2016). *Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni "Travelog" Pelajar Seni Halus UiTM Melaka*. ISME Colloquium.
- Arif Fiyanto. (2018). *Cita-Cita Hidup Bahagia Sebagai Tema Dalam Penciptaan Karya Seni Lukis 1*. Dosen Jurusan Seni Rupa, Universitas Negeri Semarang.
- Astari Clara Sari., Rini Hartina., Reski Awalia., Hana Irianti., & Nuril Ainun. (2018). *Komunikasi Dan Media Sosial*. Fakultas Sastra, Universitas Muslim Indonesia.
- Borang Geran sokongan Pelancongan Seni Dan Budaya. (2021) https://www.tourism.gov.my/files/uploads/GSPSB_pascacovid.pdf
- Burke, K., & Cleaver, D. (2019). *The Art of Home Education: An Investigation into the Impact of Context on Arts Teaching and Learning in Home Education*. *Journal of Education*. 49:6. 771-788. doi:10.1080/0305764X.2019.1609416.
- Farhan, K. (2020). *Tambah Baik Sistem Pendidikan Sesuai Norma Baharu*. <https://www.Bharian.Com.My/Rencana/Komentar/2020/12/765191/Tambah-Baik-Sistem-Pendidikan-Sesuai-Norma-Baharu>
- Fatimah Mustaffa., & Ahmad Esa. (2013). *Amalan Pengurusan Risiko Sukan Pensyarah Institusi Pendidikan Guru Malaysia*. Proposal kajian.
- Indar Sabri. (2019). *Peran Pendidikan Seni Di Era Society 5.0 untuk Revolusi Industri 4.0*. Seminar Nasional Pascasarjana 2019.
- Jakob Sumarjo. (2020), "*Filsafat Seni*", Bandung: ITB.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Surat Pekeliling Penangguhan Program Aktiviti Sukan, Kokurikulum, Seminar, Bengkel, Serta Aktiviti Lain Selaian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka*. KPM.100-1/3/1 jld.3 (92).
- Mardi. (2021). *Pameran Seni Siswa di Era Modern Sebagai Upaya Menggali Potensi Kreasi Bangsa Mardi SMKN 12 Surabaya*. *Indonesia Jurnal Inovasi dan Riset Akademik*.
- Moh. Rondhi. (2021). *Apresiasi Seni dalam Konteks Pendidikan Seni 1*. Vol XI No 1-Januari 2017, *Jurnal Imajinasi*.
- Mohammad Ahmad Bani Salameh. (2021). *Contemporary Arab Art and It's Relate to Contemporary Societal Issues (During the Covid-19 Pandemic)*. *Palarch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology* 18(8).
- Muhammad Izzat., Zuriani Hanim., & Nur Hafizaliyana. (2020). *Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19*. *Jurnal Kesidang Volume 5* 88-99.

- Mukhsin Patriansyah. (2020). *Kajian Strukturalisme dalam Melahirkan Sebuah Karya Seni Besaung*. Jurnal Seni Desain Dan Budaya Volume 5. No 2 Maret 2020. ISSN: 2502-8626 ISSN ONLINE: 2549-4074. Universitas Indo Global Mandiri.
- Naomi Diah Budi Setyaningrum. (2018). *Budaya Lokal di Era Global*. Ekspresi Seni, Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni. <https://journal.isi-padangpanjang.ac.id/index.php/Ekspresi>
- Nurzulaikha Amran., & Noor Aslinda Abu Seman. (2021). *Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan*. 2(1), 1499-1508. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/1874>
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013-2025). <https://www.moe.gov.my/en/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>.
- Pirontha Kalaiselvan., & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2021). *Pengurusan Risiko Dalam Pelaksanaan Kokurikulum Murid Sekolah Rendah Daerah Sepang*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 8, Isu 1. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rubiyantika Astutiningtyas., & Setyo Yanuartuti. (2020). *Relokasi Pembelajaran Seni dalam Bentuk Daring Online untuk Meningkatkan Kreativitas Selama Pandemi Covid-19*. Pendidikan Seni Budaya Pascasarjana Universitas Negeri Surabaya.
- Sandoval, C., Pirogova, E., & Lech, M. (2019). Two-stage deep learning approach to the classification of fine-art paintings. *IEEE Access*, 7, 41770-41781.
- Sedivy, S. (2018). Aesthetic properties, history and perception. *The British Journal of Aesthetics*, 58(4), 345-362.
- Siti Humaini. (2020). *Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Idealogy*. Journal Vol. 5 Issue 1, 157-164.
- Takeshi, O., & Kentaro, I. (2017). *Imitation, Inspiration, and Creation: Cognitive Process of Creative Drawing by Copying Others' Artworks*. *Cognitive Science A Multidisciplinary Journal*, 41(7). DOI:10.1111/cogs.12442
- United Nation. (2020). *Policy Brief: Education during COVID-19 And Beyond*. https://www.un.org/development/desa/dspd/wpcontent/uploads/sites/22/2020/08/sg_policy_brief_covid-19_and_education_august_2020.pdf
- Yasdinul Huda., & Delsina Faiza. (2019). *Desain Sistem Pembelajaran Jarak Jauh Berbasis Smart Classroom Menggunakan Layanan Live Video Webcasting*. Jurnal Teknologi Informasi Dan Pendidikan.
- Yokochi, S., & Okada, T. (2021). The Process of Art-making and Creative Expertise: An Analysis of Artists' Process Modification. *The Journal of Creative Behavior*, 55(2), 532-545.